

KAJIAN PERBANDINGAN PERMINTAAN GRADUAN DIPLOMA UKUR BAHAN ANTARA
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA

FUN YIP ONN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

ABSTRAK

Pembangunan dalam industri binaan telah meningkatkan permintaan terhadap Juruukur Bahan yang memegang sijil, diploma atau ijazah dalam Ukur Bahan. Ianya secara langsung berkait rapat dengan peluang perolehan kerja (*employability*) graduan yang memegang sijil tersebut. Perbandingan peluang perolehan kerja antara graduan IPTA dan IPTS sering dijadikan bahan bualan dalam masyarakat Malaysia. Perkara ini bukan lagi satu isu yang baru dan ia telah dibincang sepanjang dekad. Peluang perolehan kerja graduan bergantung kepada tiga aspek iaitu kemahiran, kelulusan dan pengetahuan serta personaliti. Graduan yang memiliki ketiga-tiga aspek tersebut pada tahap yang tinggi mempunyai peluang perolehan kerja yang lebih tinggi dan sebaliknya. Objektif kajian ini adalah untuk membuat perbandingan terhadap peluang perolehan kerja (*employability*) graduan Diploma Ukur Bahan dari IPTA dengan IPTS. Responden yang telah dipilih ialah majikan, pemilik atau pengurus Firma Perunding Juruukur Bahan di Semenanjung Malaysia. Pada pandangan responden sebagai seorang majikan, pemilik atau pengurus kepada firma, responden perlu mengenalpastikan tahap pemilikan kriteria-kriteria peluang perolehan kerja pada seseorang graduan Diploma Ukur Bahan sama ada dari IPTA atau IPTS yang mereka upahkan. Daripada analisis kajian, didapati graduan Diploma Ukur Bahan IPTA mempunyai aspek yang lebih tinggi dari segi kemahiran dan personaliti. Manakala bagi aspek kelulusan dan pengetahuan, kedua-dua jenis graduan IPTA dan IPTS mempunyai tahap yang sama. Maka boleh disimpulkan bahawa graduan Diploma Ukur Bahan IPTA mempunyai peluang perolehan kerja yang lebih tinggi jika berbanding dengan graduan Diploma Ukur Bahan IPTS.

ABSTRACT

Development in construction industry has resulted in an increasing demand to the Quantity Surveyor who holds the certificate, diploma or degree in Quantity Surveying. It is directly related to the employability of graduates who have the said certificates. Comparison in employability between graduates of IPTA and IPTS is always discussed in Malaysian society. This situation is no longer a new issue and it is often discussed for the past few years. Employability of graduates depends on three aspects which is skills, qualification and knowledge and personality. Graduates who possess the three aspects in the high level are more employable and vice versa. The objective of this research is to make comparison on the employability between graduates of Diploma Quantity Surveying from IPTA and IPTS. The respondent chosen was the employer, owner or principal of Quantity Surveyor Consulting Firm in Peninsular Malaysia. Based on their opinion, the respondents need to determine the criteria in employability of the graduates of Diploma Quantity Surveying from IPTA and IPTS they employed. From the research analysis, it was found that IPTA graduates have the higher aspect in skill and personality compared to graduates of IPTS. However, for the aspect in qualification and knowledge, both IPTA and IPTS graduates have the same level. It can be concluded that graduates of Diploma Quantity Surveying from IPTA are more employable if compared to IPTS graduates of Diploma Quantity Surveying.